



SIARAN AKHBAR

S.A. 2022/04/12_31 (HQ)

TNB & S P SETIA METERAI MoU INISIATIF TENAGA HIJAU

- Kerjasama pasang sistem solar panel di bumbung bangunan, sediakan kediaman yang menyokong pemasangan kemudahan pengecas kenderaan elektrik (EV) & solusi bateri

Tenaga Nasional Berhad (TNB) menjalin kerjasama strategik dengan S P Setia Berhad (S P Setia) untuk menyediakan solusi tenaga pintar dan tenaga boleh baharu (RE) sebagai sumber utama elektrik masa hadapan kepada bakal pembeli kediaman dan bangunan komersial yang dibangunkan syarikat pemaju harta tanah itu.

Memorandum Persefahaman (MoU) mengenainya ditandatangani bagi membolehkan pemasangan sistem solar PV di atas bumbung serta persediaan pemasangan solusi bateri dalam projek pembangunan kediaman dan komersial S P Setia akan datang.

Ia memberi pilihan kepada pelanggan S P Setia sebaik solusi boleh didapati secara komersial, apabila berakhirnya kuota Net Energy Metering (NEM). Premis tersebut juga direka bentuk untuk menyokong kemudahan pemasangan pengecas EV apabila pemilik berhasrat memasangnya kelak.

Inisiatif ini selaras Hala Tuju Kelestarian TNB dan pelan hala tuju Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) S P Setia menuju pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050.

Skim Pemeteran Tenaga Bersih 3.0 (NEM 3.0) menggalakkan pengguna elektrik untuk memasang solar PV atas bumbung, yang mana lebihan tenaga dijana solar PV boleh dieksport kembali ke grid kuasa secara “one-on-one” offset. Kuota peruntukan 800 MW dari 2021-2023 disediakan bagi skim NEM 3.0 untuk rumah kediaman, bangunan komersial dan bangunan-bangunan kerajaan serta agensi kerajaan.

NEM 3.0 dilaksanakan Kementerian Tenaga & Sumber Asli, dan dikawalselia Suruhanjaya Tenaga dengan Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia sebagai Agensi Pelaksana.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Dato' Sri Mustapa Mohamed; Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Tenaga, Abdul Razib Dawood; Ketua Pegawai Eksekutif Permodalan Nasional Berhad, Ahmad Zulqarnain Onn; Pengerusi S P Setia, Tan Sri Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail dan Pengerusi TNB, Dato' Sri Hasan Arifin turut hadir bagi menyaksikan majlis menandatangani MoU antara kedua-dua pihak.

S.A. 2022/04/12_31 (HQ)

MoU ditandatangani Ketua Pegawai Retail TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan dan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif S P Setia, Datuk Choong Kai Wai di Hotel Le Meridien, Putrajaya pada 12 April 2022. Ketua Pegawai Pelanggan (Government & Large Business) TNB, Nasaruddin Mohd Zaini dan Ketua Pegawai Operasi S P Setia, Dato' Seri Koe Peng Kang sebagai saksi.

Mustapa berkata, kerajaan berharap syarikat dan organisasi lain turut mengikuti jejak TNB dan S P Setia yang berusaha membawa kesejahteraan kepada rakyat dengan mewujudkan kawasan kediaman dengan kualiti alam sekitar lebih baik dengan sumber tenaga hijau dan mampan.

“Ia adalah satu inisiatif istimewa yang menemukan dua entiti berbeza dalam bidang industri tenaga dan perumahan, berganding bahu demi matlamat bersama yang membawa kebaikan kepada negara. Ia adalah sejajar agenda perubahan iklim dan teknologi hijau,” katanya dalam ucapan pada majlis itu di sini.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din berkata, MoU ini akan memberikan peluang kepada TNB membantu menggalakkan mobiliti karbon rendah di samping mendalami cita rasa dan permintaan pemaju harta tanah, sekali gus membantu TNB mengenal pasti rakan kongsi utama masa depan.

“TNB juga akan dapat melibatkan diri pada peringkat yang lebih awal bagi memastikan peluang yang lebih tinggi untuk menjadi pembekal solusi kepada S P Setia. Berbekalkan pengalaman dan kepakaran yang ada, TNB yakin mampu memanfaatkan 41 projek aktif S P Setia dan mengesyorkan produk yang relevan dengan teliti mengikut keperluan syarikat tersebut,” katanya.

Kerjasama strategik ini akan membantu S P Setia untuk mengoptimumkan kos dalam usaha mereka untuk membangunkan projek-projek harta tanah dengan tenaga lestari. Secara tidak langsung, menjadikan projek harta tanah S P Setia terus berdaya saing, moden, terkini dan berkualiti.

Datuk Choong Kai Wai berkata, “Kami berbesar hati menandatangani MoU ini dengan pembekal utiliti negara. Ini merupakan satu pencapaian dalam kerjasama untuk menyediakan solusi tenaga mampan kepada bakal pemilik harta tanah kami di masa hadapan dengan potensi penjimatan ketara dalam penggunaan tenaga sebagai nilai tambah.”

Mengenai Tenaga Nasional Berhad

Tenaga Nasional Berhad (TNB) (www.tnb.com.my) ialah syarikat utiliti Malaysia terkemuka di Asia dengan penglibatan antarabangsa di United Kingdom, Kuwait, Turki, Arab Saudi, Pakistan dan India. Aktiviti teras TNB merangkumi bidang penjanaan, penghantaran dan pembahagian tenaga elektrik. Selain menjadi syarikat penjana elektrik utama negara, TNB turut menghantar dan membahagikan elektrik ke seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 28 Februari 2022, TNB membekalkan elektrik kepada 10.4 juta pelanggan.

Dalam bidang tenaga boleh baharu, setakat Disember 2021, TNB mempunyai portfolio sebanyak 2,771.4MW di Malaysia (termasuk 2536.1MW hidro besar) dan 714.4MW di seluruh UK, Turki dan India terutamanya daripada aset penjanaan tenaga solar, angin dan hidro.

Sebagai pembekal tenaga elektrik bersepadu, TNB telah dan akan terus melaksanakan peranan pentingnya dalam menggerak kemajuan negara. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.tnb.com.my

Mengenai S P Setia Berhad

S P Setia merupakan pemaju harta tanah terbesar, mengikut jualan, di Malaysia dan telah membina nama di 7 negara di seluruh dunia. Portfolio Kumpulan ini merangkumi perbandaran, eko-santuari, enklaf mewah, kediaman/bangunan bertingkat tinggi dan projek pembangunan khusus. Perniagaan lainnya termasuk pembinaan, peruncitan, pembuatan berdasarkan kayu dan akan datang, kesihatan dan perhotelan/hospitaliti. Ia dianugerahkan No.1 in The Edge Top Property Developer Awards dan FIABCI Prix d'Excellence World Gold Awards sebanyak 13 kali.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 12 April 2022, jam 12:00 tengah hari

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /
Grace Tan 016-6626229 / Asma' Razak 013-2505433
atau emel kami: media@tnb.com.my*



Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Dato' Sri Mustapa Mohamed (tengah) bersama Pengurus TNB Dato' Sri Hasan Arifin (paling kiri); Ketua Pegawai Eksekutif Permodalan Nasional Berhad, Ahmad Zulqarnain Onn (dua, kiri) dan Pengurus S P Setia, Tan Sri Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail (paling kanan) menyaksikan pemeterian Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan S P Setia Berhad (S P Setia) di Putrajaya hari ini (12 April 2022).

MoU yang ditandatangani Ketua Pegawai Retail TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan (duduk, dua kiri) serta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif S P Setia, Datuk Choong Kai Wai (duduk, dua kanan) ini bagi membolehkan pemasangan sistem solar PV di atas bumbung serta persediaan pemasangan solusi bateri dan EV dalam projek pembangunan kediaman dan komersial S P Setia akan datang.